

# SEJARAH PERKEMBANGAN FIZIKAL BANDAR-BANDAR ISLAM DI ZAMAN RASULULLAH (S.A.W.) DAN KHALIFAH AL-RASYIDIN: PRINSIP-PRINSIP YANG BOLEH KITA PELAJARI DARIPADANYA.

Ismawi Bin Hj. Zen

Jabatan Perancangan Bandar dan Wilayah

Fakulti Alambina

Universiti Teknologi Malaysia

## Sinopsis

Untuk mencari prinsip-prinsip yang boleh digunakan dalam perancangan alam bina yang memberi peluang kepada penghayatan sepenuhnya corak dan tata susila kehidupan yang dituntut oleh Islam, kita mesti berbalik kepada contoh-contoh yang diberi oleh Rasulullah (s.a.w) dan para sahabat yang menjadi pewaris daripada beliau. Walau bagaimanapun, kita seharusnya jangan memandangkan lembaran-lembaran sejarah ini sebagai *bekuan* kehidupan, kerana kita perlu memahami yang dinamikisma Islam itulah yang menyebabkan ianya agama untuk semua zaman. Artikel ini membincangkan perkembangan bandar Madinah al-Munawwarah di zaman Rasulullah dan bandar-bandar lain yang ditubuhkan dizaman pemerintahan khalifah al-rasyidin, seterusnya menrumuskan beberapa prinsip dan kriteria penting perancangan untuk kita gunakan dalam usaha perancangan kita sekarang.

*"Ingatlah yang Allah melantik kamu sebagai pengganti (yang berkuasa) setelah Kaum Aad dan telah meletakkan kamu di dunia. Kamu membina istana-istana di lembah dan tanah ratanya dan memahatkan lereng-lereng bukitnya untuk kediaman peranginan mu. Setelah itu ingatlah nikmat kemurahanNya, dan janganlah kamu bermaharajalela di muka bumi dengan mengikut jejak mereka (perosak)"*

al-Quran, Surah al-'Araaf: 74.

Manusia dengan kehidupannya sendiri  
Kebahagiaan itu datang dan pergi  
Yang terbaik di antara mereka  
Ialah yang memberi khidmat  
Maka jangan dikongkong khidmat kebajikan  
Kerana kamu berupaya member kebahagiaan  
(kepada insan lain)  
Bersyukurlah kepada Allah kerana fadilahNya  
Mereka memerlukan khidmat mu; tidak sebaliknya  
Ada insan itu mati tetapi kekal diingat amal kebajikannya  
Tetapi ada yang masih hidup tanpa sebarang yang boleh diingat  
dan dikenangkan.

...Imam as-Shafiee (r.a.).

## Pengenalan

Makala ini bertujuan membincang beberapa aspek perancangan bandar-bandar kediaman masyarakat Islam. Perbincangan ini akan cuba memberi sedikit gambaran tentang beberapa aspek sejarah dan setelah itu membuat beberapa rumusan mengenai beberapa prinsip penting yang boleh kita pelajari dari sejarah itu.

Definisi sebuah bandar Islam itu banyak diperdebatkan sejak dari dahulu lagi, dan sejak kebelakangan ini, di negara kita. Ramai yang mencari jalan mudah dengan mentakrifkan bandar Islam ini sebagai bandar yang terletak di negara-negara yang mengaku sebagai negara Islam. Ada pula yang berpendapat bandar Islam adalah bandar-bandar yang di wujudkan di zaman pemerintahan empayar Islam. Ada juga yang mengatakan bandar-bandar Islam adalah bandar-bandar yang mempunyai ciri bangunan-bangunan yang biasanya dikaitkan dengan senibina Timur Tengah dan Afrika Utara, khususnya di negara Arab-Turki-Parsi-India Mogul ataupun yang lebih dikenali sebagai *senibina Moorish*.

Pengarang artikel ini suka menegaskan untuk tujuan artikel ini, pengarang akan menghadkan dirinya kepada pengertian bandar-bandar Islam ini sebagai bandar-bandar yang diwujudkan secara terancang untuk membolehkan penghuni-penghuni hidup mengikut dan mempraktikkan cara hidup yang dituntut oleh Islam.

## Jenis-jenis Bandar Islam

Sejarah perancangan petempatan, samaada bandar atau perkampungan dalam Islam adalah berkisar pada contoh yang ditunjukkan oleh as-Sunnah Rasulullah (s.a.w.) dan ajaran al-Quran yang tentu kita semua sedia maklum, menjadi asas dalam semua aspek kehidupan setiap Muslim.

Pada peringkat awal ini biarlah kita membincangkan dahulu beberapa bandar yang telah ditubuhkan di zaman awal pemerintahan Islam untuk memahami konsep dan prinsip-prinsip perancangan yang telah digunakan. Pengarang ingin membawa pembaca membincangkan bandar-bandar yang ditubuhkan di zaman Rasulullah (s.a.w.), dan khalifah al-rasyidin.

Terdapat beberapa jenis bandar-bandar yang berkait rapat dengan perkembangan Islam di zaman silam:

### Fustat


Bandar-bandar jenis ini mempunyai asal-usulnya daripada petempatan yang ditubuhkan oleh tentera Islam sebagai perkhemahan mereka dalam perjuangan menyebarkan syiar Islam keseluruh dunia. Bermula sebagai perkhemahan tentera, petempatan-petempatan ini kemudian berkembang menjadi pusat-pusat pemerintahan wilayah (al-amsar) dan pusat ekonomi wilayah. Di antara contoh-contoh bandar seperti ini ialah al-Fustat (Kaherah Lama). Bandar-bandar ini ditubuhkan sama ada berdekatan dengan bandar-bandar lama seperti berlaku dalam kes al-Fustat (Mesir), ataupun terletak berjauhan daripada bandar-bandar sedia ada seperti dalam kes al-Kufah (Iraq) dan Qayrawan (Tunisia).

### Ribat


Bandar-bandar ini adalah merupakan bandar-bandar kota. Bandar-bandar ini ditubuhkan sebagai kota-kota pertahanan sama ada di kawasan perbatasan empayar Islam atau di dalam kawasan pendalaman empayar. Secara ringkasnya, bandar-bandar ini adalah merupakan petempatan-petempatan tentera (garison) untuk mengukuhkan pemerintahan empayar dan menjamin keselamatan dar-al-Islam. Dengan permulaan begini, bandar-bandar ini berkembang menjadi pusat-pusat bandar yang penting. Contoh bandar-bandar ini ialah Rabat (Maghribi) dan Monastir (Tunisia).

### Balad Al-Amirin

Bandar-bandar ini adalah merupakan bandar-bandar diraja. Ditubuhkan oleh raja atau putera-putera raja yang mahukan sebuah bandar yang mencerminkan penumpuan kuasa politiknya. Bandar-bandar ini mungkin hanya merupakan bandar-bandar peranginan ataupun juga merupakan ibu negara-ibu negara baru yang ditubuhkan apabila bertukarnya pemerintahan atau dinasti. Bandar yang pertama sekali dalam kategori ini ialah Damsyik (Syam/Syria) yang telah dijadikan oleh Mu'awiyah sebagai pusat pemerintahannya apabila beliau mengambil alih pemerintahan. Contoh-contoh yang lain ialah Bagdad (Rajah 1), apabila berpindahnya pemerintahan daripada Bani Umay'ah kepada Bani Abbasiah.



Rajah 1 Bagdad - contoh balad al-amirin. Bandar baru dibina oleh Khalifah Harun al-Rasyid. Sumber: Hathloul, S.A. (1981)



Rajah 2 Samarra'. Bandar baru dibina oleh al-Mu'tassim. Sumber: Herzfeld (1948)

Samarra' (Rajah 2) telah ditubuhkan oleh al-Mu'tassim bila beliau memerintah empayar Abbasiyah. Lain-lain contoh ialah Fez (Idrissi, Maghribi), Marrakesh (Almoravid, Maghribi), Mansurah (Merinid, Algeria).

#### *Bandar-bandar Pertapaan atau Pusara-pusara Wali*

Bandar-bandar ini terbina disebabkan oleh kepercayaan tempatan atau wilayah yang menganggap kediaman atau pusara seorang mu'alim atau amir yang mereka anggap sebagai wali itu sebagai bandar-bandar yang perlu (malahan wajib) dikunjungi dan dipuja. Kadangkala bandar-bandar ini diwujudkan atas sebab keinginan untuk mengingati satu peristiwa penting dalam kepercayaan puak-puak tersebut. Keadaan ini banyak berlaku di kalangan pengikut syiah atau Sufi.<sup>1</sup>

Contoh bandar seperti ini ialah Karbala (Iraq), Marshad (Iran) dan Fatehfur-sikkri (India). Karbala diwujudkan sebagai memperingati pembunuhan Saidina Husain (r.a) yang telah dibunuh oleh tentera Yazid ibn Mu'awiyah.

1. Perlu disebut di sini bahawa dari sudut pandangan Islam yang menjadi ikutan keempat-empat mazhab dalam Sunnah wa-jamaah, kepercayaan ini dianggap sebagai kurafat, kerana Rasulullah (s.a.w) sendiri pernah mengingatkan yang cuma terdapat 3 tempat yang menjadi tumpuan ziarah orang-orang Islam (Makkah al-Mukarramah, Madinah al-Munawwarah, dan Masjid al-Aqsa).

## Proses Perkembangan Fizikal

Untuk memberi gambaran tentang pembangunan bandar-bandar Islam, terutama sekali kalau kita ingin memahami penterjemahan prinsip-prinsip Islam mengikut as-Sunnah Rasulullah (s.a.w), maka tidak ada contoh yang lebih sesuai daripada mengkaji perkembangan bandar Madinah al-Munarwarrah di zaman Rasulullah (s.a.w).

### *Madinah Al-Munarwarrah*

Sebelum Rasulullah berhijrah ke Madinah al-Munarwarrah (diwaktu itu dikenali sebagai Yathrib), bandar ini adalah merupakan kelompokan petempatan-petempatan kecil yang berasingan, mengikut kaum dan puak tersendiri. Sehingga sekarang pun masih terdapat manazil dan buyut yang menandakan asal-usul petempatan tersebut. Rasulullah (s.a.w) telah memberikan puak-puak Muhajirin yang mengikutnya dari Makkah dan tempat-tempat lain menduduki kawasan-kawasan tidak didiami oleh penduduk tempatan tadi. Tindakan ini akhirnya menimbulkan satu tepubina yang padu. Walau bagaimanapun Rasulullah (s.a.w) tidak membuat tindakan itu tanpa prinsip yang tertentu.


Rasulullah (s.a.w) telah membahagikan kota Madinah kepada beberapa khittah. Perkataan ini membawa pengertian "unit kejiranan" dalam bahasa perancangan yang moden. Walau bagaimanapun, khittah ini akan dibahagi-bahagikan berdasarkan kaum atau puak. Al-Baladhuri (892 S.M.), seorang ahli sejarah Arab yang terkenal telah meriwayatkan:

Apabila Rasulullah (s.a.w) sampai di Madinah, beliau telah memberi (aqta' a al-nas al-dur wa-al-riba') dur dan khittah kepada pengikutnya dan orang ramai. Dengan itu beliau telah menentukan sebuah khittah untuk Bani Zaharah dibelakang masjid...<sup>2</sup>

Pecahan khittah ini pula bergantung kepada keperluan penghuninya sendiri. Pada kebiasannya mereka hanya akan menggunakan sebahagian daripada khittah ini apabila perlu sahaja. Pembangunan di dalamnya hanya merupakan pembangunan yang "tambahan" mengikut keperluan yang mungkin disebabkan oleh pertambahan penduduk dari suku kaum mereka (Rajah 3).

Setiap khittah akan mempunyai masjid tersendiri. Malahan masjid atau paling kurangnya musallah (surau) adalah merupa pusat khittah ini. Al-Bukayr (m.740 S.M.) telah mencatatkan terdapat 9 masjid disekitar Madinah al-Munarwarrah di zaman Rasulullah (s.a.w). Masjid-masjid ini digunakan oleh penghuni-penghuni khittah tersebut walaupun suara azan Saidina Bilal (r.a) kedengaran kepada mereka (Rajah 4).

Begitu juga mengikut tradisinya, setiap khittah ada tanah perkuburan mereka tersendiri, walaupun al-Baqi'



Rajah 3 Madinah al-Munarwarrah di zaman Pertengahan. Sumber: Hathhoul, S.A.

2. Kenyataan al-Baladhuri dicatit dalam: Hathloul, S.A., Tradition, Continuity and Change in the Physical Environment: The Arab-Muslim City, M.S.31.



Rajah 4 Madinah al-Munawwarrah: pecahan tanah. Sumber: Hathloul, S.A. (1981)

Merupakan tanah perkuburan umum di Madinah al-Munawwarrah. Di kawasan al-Baqi' setiap kaum tahu di mana sudut yang dikhaskan untuk kaumnya sendiri walau pun tidak terdapat satu peraturan yang bertulis atau yang diisytiharkan dengan secara formal.

Suq atau pasar adalah satu kegunaan tanah yang sangat penting di Madinah al-Munawwarrah di zaman Rasulullah (s.a.w.). Ini ditunjukkan oleh tindakan Rasulullah (s.a.w) dalam mengalihkan perletakan suq dari kawasan asalnya ke tempat yang dipanggil baqi al-Zubayr yang terletak hanya kira-kira 150 m daripada Masjid an-Nabawi. Al-Samhudi meriwayatkan suq ini telah disempadani ke Thaniyat al-Wada' disebelah utara. (Sekarang suq ini dikenali sebagai al-Manakhah)

Mengenai peraturan di dalam suq, Rasulullah (s.a.w.) telah berkata la-tatahajjarul atau "jangan dibuat bangunan, dijual beli tanahnya dan supaya jangan ada cukai yang dikenakan ke atas sesiapa yang berniaga di dalamnya". Pesanan Rasulullah s.a.w. ini telah diikuti dengan tegas oleh keempat-empat khalifah al-rasyidin, terutama sekali oleh Saidina Omar ibn al-Khattab (r.a.). Bangunan yang pertama dibuat dalam kawasan suq di Madinah al-Munawwarrah dibina di zaman pemerintahan Mu'awiyah ibn Abu Sufiyan. Pembinaan secara besar-besaran pula telah dibuat oleh Hisham ibn Abdulmalik.

#### *Al-Amsar*

Perbincangan seterusnya diarahkan untuk menggambarkan perkembangan bandar-bandar yang diwujudkan atau ditadbir secara langsung oleh khalifah al-rasyidin. Ini adalah kerana pada zaman pemerintahan mereka ini, setiap prinsip hidup yang dibawa oleh Rasulullah (s.a.w) adalah masih segar dan tanpa apa-apa pencemaran oleh kuasa politik dan lain-lain. Saidina Omar ibn al-Khattab (r.a.) mungkin merupakan seorang manusia yang mengikut as-Sunnah Rasulullah (s.a.w.) yang paling tegas, maka adalah agak tepat kalau kita andaikan segala perintah dan keputusannya adalah merupakan keputusan yang beliau penuh yakin berlandaskan kepada as-Sunnah Rasulullah (s.a.w.).

Al-Amsar adalah merupakan satu istilah yang digunakan untuk memberi makna fungsi bandar. Dalam kaedah ini, ianya bererti bandar yang memainkan peranan sebagai bandar pentadbiran wilayah. Di zaman pemerintahan Saidina Omar ibn al-Khattab (r.a.), dar al-Islam telah berkembang dari Iraq ke Mesir. Pusat-pusat pentadbiran wilayah perlu ditubuhkan untuk mentadbir kawasan yang begini luas dan untuk menjadi pusat perkembangan dan pembangunan wilayah-wilayah tersebut.


Saidina Omar ibn al-Khattab (r.a) telah menubuhkan 6 al-amsar. Tiga daripada al-amsar ini adalah bandar-bandar baru (Kufah, Basrah dan al-Fustat), sementara Madinah al-Munawwarrah adalah bandar yang sudah terasas dan berkembang. Dua al-amsar yang lain adalah al-Jabiyah dan al-Jawwathah. Kedua-dua bandar ini telah ditinggalkan setelah beberapa ketika kerana sebab-sebab tertentu.

Lain-lain al-amsar yang ditubuhkan selepas pemerintahan Saidina Omar ibn Khattab (r.a.) ialah Qayrawan (Mu'awiyah), Qazwain, Ardabil dan Marw.


Dari perancangan fizikalnya, al-amsar ini dibahagi kepada beberapa khittah (Rajah 6) dengan masjid atau musalla merupakan pusat setiap aktiviti diperingkat khittah. Dar al-Imarah atau kediaman qa'id atau gebenor wilayah dibina bersebelahan dengan masjid terbesar dalam al-amsar tersebut. Seperti juga di Madinah al-Munawwarrah, khittah ini dibahagi mengikut kaum. Masjid dibinakan di atas murabba'ah 'ulwah atau satu pelantar segi-empat yang kemudiannya dipanggil sahn.

Pada sebelah utara sahn diletakkan 5 batang manahijuha al-'uzma atau jalan utama dan disebelahnya qiblahnya diletakkan empat jalan utama. Di sebelah timur, tiga jalan dan disebelah barat dua jalan.

Jalan utama dibandar-bandar al-amsar ini merupakan kawasan yang sangat penting. Di sepanjang jalan ini terdapat marbad atau tempat-tempat persinggahan untuk para pengembara. Jalan-jalan utama ini mempunyai kelebaran di antara 40 zira<sup>3</sup> (Kufah) hingga 60 zira.



Rajah 5 Dur - Contoh satu kediaman berkelompok di Madinah al-Munawwarrah. Sumber: Jabatan Waqf, Madinah al-Munawwarrah. (1977).



Rajah 6 Khittah - satu contoh dari Damsyik. Sumber: Sauvaget (1934).

(Basrah). Al-Tabari meriwayatkan yang Saidina Omar ibn Khattab (r.a.) telah mengarahkan yang semua al-manahijua al-uzma atau jalan-jalan utama ini dibina seluas sekurang-kurangnya 40 zira kerana mengikutnya ini keluasan yang membolehkan dua ekor unta yang penuh sarat muatan boleh melintas dengan senang tanpa mengganggu pengguna jalan yang lain atau mereka yang beraktiviti ditepi jalan. Beliau seterusnya mengarahkan manahij al-dahnuha atau jalan-jalan hiraki kedua yang lain dibina dengan keluasan di antara 20-30 zira dan al-aziqqah atau lorong-lorong pada kelebaran 7 zira sekurang-kurangnya. Ibn Manjah meriwayatkan Rasulullah (s.a.w.) sebagai bertitah;

*Apabila kamu bertelingkah mengenai jalan, binakan jalan itu sekurang-kurangnya 7 zira lebar.*

Di tengah-tengah khittah terdapat rahbah yang boleh merupakan fina' atau kawasan lapang, yang boleh berperanan sebagai al-baqi atau tanah perkuburan khittah atau kawasan menambat unta dan kuda. Buyut atau kediaman dan dur (Rajah 5), diletakkan supaya mengarah kedalam dan bukan kejalan. Ini adalah untuk tujuan kesendirian (privacy). Kawasan lapang dalam kawasan khittah boleh memainkan peranan sebagai kawasan riadah atau lipurdiri dan sahra' atau kawasan lapang atau pun rahbah.

Terdapat satu piawaiian yang digunakan untuk pembahagian khittah. Sebuah khittah mengandungi penduduk yang tertentu sahaja. Kalau sekiranya bilangan ahli kaum itu terlalu besar maka kaum tersebut telah diberi dua atau tiga khittah. Sebaliknya sekiranya kaum itu terlalu kecil maka telah diminta supaya berkongsi khittah dengan kaum lain yang juga kecil atau dengan mereka yang tidak tentu kaumnya.

### Prinsip Perancangan Alam Bina Islam

Kepentingan untuk hidup di dalam suasana bandar dari segi Islam jelas daripada hadis Rasulullah (s.a.w.) seperti yang di catatkan oleh al-Bukhari dalam kitab adab al-Mufrad;

*Jangan duduk dikampung terpencil dari bandar yang sudah terbangun pesat kerana orang yang duduk dikampung yang jauh daripada bandar itu seperti arang mati yang diletak ke dalam kubur.*

Kecuali dalam beberapa perkara, prinsip-prinsip yang secara jelas atau tepat menerangkan bagaimana susun-atur sesuatu elemen alam bina dalam hubungannya dengan elemen lain agak sukar didapati. Al-Quran pada kebiasaannya memberi peraturan-peraturan yang agak umum dan perlu tafsirkan. As-Sunnah Rasulullah (s.a.w.)

3. 1 Zira bersamaan dengan lebih kurang 0.4 meter.

merupakan contoh-contoh yang perlu takrifan untuk memahami falsafah sebaliknya. Oleh itu, cubaan untuk merumuskan prinsip-prinsip yang boleh digunakan perancangan pembangunan alam bina adalah satu usaha yang amat sukar.

Dalam Surah al-Isra', ayat 85 Allah berfirman:

*.... dan tidaklah diberi kamu pengetahuan melainkan sedikit.*

Walaupun sedikit tetapi cukup untuk kita kerana Allah itu Maha Mengetahui apa yang baik untuk hambaNya. Untuk mengetahui yang sedikit ini pun, kita diwajibkan belajar. Dalam Surah al-'Alaq, ayat 4-5, Allah telah berfirman:

*Bacalah! dan Tuhan mu amat mulia telah mengajar dengan pena.  
Dia telah mengajar manusia apa yang tidak mereka ketahui.*

Prinsip-prinsip yang menentukan susun-atur elemen-elemen dalam bandar-bandar atau petempatan-petempatan Islam adalah merupakan prinsip-prinsip yang mengawal kehidupan harian penduduk-penduduknya. Prinsip-prinsip ini boleh dirumuskan daripada ilmu Fiqh, terutama sekali cabangnya yang dipanggil mu'amalat. Mu'amalat adalah sains perundangan berkenaan dengan penyelesaian konflik yang timbul daripada hubungan dan interaksi ahli-ahli masyarakat. Termasuk dalam bidangnya ialah perundangan keluarga, warisan dan pusaka, harta-benda, kontrak dan perjanjian, undang-undang keseksaan, konflik yang ditimbulkan oleh aktiviti pembangunan dan binaan dan lain-lain. Punca prinsip-prinsip ini adalah al-Quran dan as-Sunnah Rasulullah s.a.w.

Di antara beberapa prinsip penting yang digunakan dalam pembangunan dan pembinaan alam bina Islam seperti yang telah digunakan oleh Rasulullah s.a.w. dan para sahabat adalah:

*Menghindar daripada menyakiti orang lain, samada tindakan itu membawa keuntungan kepada dirinya sendiri atau tidak*

Rasulullah s.a.w. dalam satu hadisnya berkata;

*Jangan kamu menyakiti orang lain atau diri kamu, dan orang lain jangan menyakiti dirinya atau kamu.*

Hadis ini memberi peringatan kepada semua manusia bahawa setiap tindakan itu, sama ada memberi keuntungan kepada yang membuatnya atau tidak, janganlah tindakan itu menyakiti atau menyusahkan orang lain. Orang lain juga janganlah melakukan perkara yang sama. Sama pentingnya ialah tindakan itu jangan juga menyakiti orang membuat tindakan. Pandangan yang seimbang perlu dalam perkara ini. Walaupun dari segi akhlak, sifat dan sikap mengutamakan orang lain sering terpancar mencerminkan keimanan dan muhabbah yang kental dikalangan anggota masyarakat, tidak terdapat suruhan supaya seorang itu mengorbankan kepentingan keluarga dan dirinya demi masyarakat semata-mata, kerana dia dan keluarganya adalah merupakan komponen penting dalam masyarakat tersebut.

Dalam pembangunan dan pembinaan, prinsip ini kalau dipegang oleh semua ahli masyarakat, akan menghasilkan satu alam bina yang akan menjamin terjaganya hak semua ahlinya. Apabila diterjemah kepada alam fizikal ianya akan menghasilkan satu alam bina yang teratur. Disini sikap setiap ahli masyarakat itu vis-a-vis yang lain adalah sangat penting. Rasulullah s.a.w. dalam sebuah hadis diriwayatkan oleh Abu Musa sebagai berkata;

*Seorang beriman itu kepada seorang beriman yang lain adalah seperti batu-bata pada tembok, saling memperkukuhkan.*

Sikap berjaga-jaga supaya setiap tindakan itu tidak membuahkan masalah kepada orang lain atau diri sendiri sangat penting. Di zaman dunia yang sudah masak dengan fahaman kapitalisma, setiap orang yang terlibat dalam pembangunan cuba mencari jalan untuk memutar-belitkan peraturan supaya akan dapat laba yang maksimum. Kadangkala diminta pula kelonggaran peraturan ke paras yang di bawah peringkat asas atau tidak munasabah semata-mata kerana hanya memikirkan keuntungan atau kos pada diri sendiri tanpa mengira kesannya kepada jiran disebelah, masyarakat umum, atau masyarakat pengguna. Tindakan yang serupa inilah yang menyebabkan perlunya ahli-ahli perancangan bandar dan lain-lain profesional dibahagian kawalan pembangunan. Tidak terdapat satu perasaan kawalan diri dalam segala tindakan. Sebaliknya, sekiranya semua orang berpegang kepada prinsip di atas, para profesional ini hanya akan perlu dibahagian rekabentuk dan binaan; menumpukan sepenuh usaha kepada pencapaian rekabentuk dan binaan ke tahap yang tinggi.

*Konsep saling pergantungan di antara ahli masyarakat dan mengelak daripada sifat tamak haloba*

Prinsip ini memerlukan kefahaman daripada setiap ahli masyarakat bahawa mereka saling memerlukan di antara satu dengan yang lain. Masyarakat itu mempunyai komponen yang tidak seharusnya menonjolkan diri dan



keperluan sendiri sehingga boleh menyebabkan perjalanan masyarakat secara keseluruhannya akan terganggu. Setiap masalah yang melibat dua orang atau lebih ahli masyarakat haruslah diselesaikan secara yang paling adil dan seimbang; seharusnya tidak sesiapa yang akhirnya merupakan yang menang atau yang kalah, sebaliknya yang menang ialah kepentingan masyarakat secara keseluruhannya. Contohnya adalah dalam penggunaan dinding pemisah oleh keluarga yang berjiran. Rasulullah s.a.w. dalam satu hadis menegaskan;

*Orang-orang Islam itu menjadi ahli perkongsian dalam tiga perkara  
- air, padang ragut dan api.*

*Menghormati kesendirian (Privacy)*

*Hai orang-orang yang beriman, janganlah kamu memasuki rumah yang bukan kediaman mu sehingga kamu mendapat kebenaran dan memberi salam kepada mereka di dalamnya. Itu adalah terbaik untuk kamu, supaya kamu sentiasa berjaga-jaga.*

Sekiranya setiap orang berkeinginan membina kediaman atau apa-apa pembangunan sekali pun, itu menjaga daripada mencabuli kesendirian (*privacy*) jirannya atau bakal jirannya maka akan terhasillah satu alam sekitar binaan yang teratur, di mana kesendirian (*privacy*) setiap keluarga akan terjaga dan terjamin.

*Katakanlah kepada mereka yang beriman supaya mereka menururkan pandangan mereka dan menjaga sopan-santun, itu akan membuat mereka lebih baik, Allah mengetahui semua yang mereka buat.*

Surah an-Nur, ayat 30

Sebaliknya, beliau perlu juga menjaga supaya dirinya jangan menjadi punca "*temptation*" pada pencabulan ini dengan sengaja menimbulkan keadaan yang menyebabkan orang lain kurang kawalan dirinya.

#### **Hak kegunaan yang lebih dahulu; sama ada dari segi penggunaan atau yang mengguna**

Prinsip ini memerlukan supaya hak orang yang lebih dahulu mengguna sesuatu kawasan itu dipelihara. Jangan pula orang yang datang kemudian tetapi kerana kuasa atau pengaruh yang ada padanya memaksa kemahuan dirinya ke atas pengguna yang lebih awal. Begitu juga dari segi kawasan yang menjadi jiran, tidak ada hak orang datang kemudian merobah secara paksa kegunaan tanah jirannya kerana dia fikir kegunaan itu tidak secukup dengan kegunaan yang dicadangkan di atas kawasannya sendiri.

#### **Menghormati hak jiran, terutama sekali dalam memberi pilihan "tindakan lebih awal" seperti dalam kes membeli harta tanahnya yang akan ditawarkan untuk dijual**

Prinsip ini berkaitan dengan prinsip-prinsip yang di atas. Tujuannya di antara lain adalah untuk menentukan kesinambungan pengguna dan memberi peluang kepada jiran itu untuk berkembang dengan teratur.

Dalam satu hadis, Rasulullah s.a.w. berkata;

*Seorang jiran mempunyai hak-hak "bertindak lebih awal" di atas hartanah jirannya. Kalau mereka berkongsi sebatang jalan masuk yang sama, maka dia harus menunggu jirannya balik.*

#### **Hak masyarakat kepada reruang umum; dengan menentukan keselamatan dan peraturan di jalan-jalan atau kawasan umum**

Setiap ahli masyarakat itu hendaklah menghormati hak masyarakatnya. Misalnya beliau, hendaklah menentukan yang struktur tembok kepunyaannya itu cukup teguh dan tidak akan membawa bahaya kepada orang ramai yang lalu lalang di situ. Beliau juga seharusnya menentukan yang jalan di hadapan rumahnya atau mana-mana hartanahnya itu bersih dan tidak terdapat perkara-perkara di atasnya yang boleh menyakiti pengguna umum yang lain.

Dalam Surah al-Imran, ayat 110, Allah menyatakan;

*Kamu adalah daripada hamba Ku yang terbaik, mengajak ke jalan yang benar dan menghalang daripada yang mungkar.*

**Galakan kepada individu supaya bertindak dengan penuh tanggungjawab, terutama sekali apabila dalam perkara-perkara yang melibatkan masyarakat umum**

Prinsip ini juga memerlukan penerapan perasaan bermasyarakat. Misalnya menjaga supaya kawasannya sentiasa bersih dan selamat untuk semua ahli masyarakat sama ada secara langsung atau tidak.

Rasullullah s.a.w. berpesan dalam sebuah hadis;

*Kalau seorang itu berjalan di jalan dan berjumpa duri dan terus membuangnya, Allah akan berterima kasih kepadanya dan mengampun dosanya.*

### **Pembentukan Kriteria Perancangan**

Pembentukan suatu masyarakat Islam itu bermula dengan pembentukan sikap muslim seorang individu. Kerana individu Muslim ini menjadi komponen kepada kumpulan yang lebih besar iaitu ummah, maka dengan sendirinya terasas satu masyarakat yang islam kepada Allah.

Oleh itu nilai-nilai yang digunakan dalam membentuk kriteria-kriteria perancangan bagi pembangunan alam bina Islam ini semestinya berlandaskan al-Quran dan as-Sunnah Rasulullah s.a.w. Sebagai seorang Muslim, kita penuh percaya yang kedua sumber ini lengkap dengan prinsip-prinsip yang boleh digunakan dalam tugas membentuk satu alam bina yang memberi peluang pada penghayatan sepenuhnya cara hidup yang dituntut oleh Islam. al-Quran al-Isra', ayat 88;

*Katakanlah, sesungguhnya jika manusia dan jin berkumpul untuk mengatakan yang serupa dengan al-Quran ini, nescaya tidak akan mereka dapat buatnya, biarpun sebahagian mereka membantu sebahagian (yang lain).<sup>4</sup>*

Keperluan kehidupan masyarakat ini tentunya dapat diterjemahkan kepada senireka bandar, dan kerana senireka bandar, itu merupakan cermin kepada struktur masyarakat dari segi sosial, ekonomi dan kebudayaan. Tabiat dan cara hidup ini kemudian dapat diterjemahkan kepada kriteria-kriteria perancangan fizikal. Walau bagaimanapun, kita harus faham bahawa dari sudut Islam, piawai dan kriteria perancangan ini hanyalah merupakan panduan sahaja. Harus disedari juga bahawa sebarang kriteria yang digubal sepatutnya merupakan hasil kajiselidik yang mendalam pada tabiat dan keperluan masyarakat, dan bukannya merupakan satu tujuan yang hendak dicapai oleh ahli perancangan. Kita cuma berperanan sebagai pelicin dan pembantu kemajuan, bukan pembentuk kemajuan seperti yang berlaku dalam kes beberapa *utopia* barat.

Walaupun bagaimanapun, dalam membentuk kriteria-kriteria fizikal untuk tujuan senireka bandar, seseorang itu seharusnya memahami konsep dinamik dalam Islam. Oleh itu yang penting ialah kajian-kajian disebalik penggubalan kriteria-kriteria tersebut. Kajian-kajian ini seharusnya memberi panduan baik buruknya kriteria yang tergubal. Seseorang ahli perancang bandar atau pereka bentuk bandar, dengan fahamannya tentang segala kemungkinan yang akan ditimbulkan oleh kriteria dan akhirnya cadangan yang berlandaskan kriteria-kriteria tersebut, dan pengetahuannya tentang keperluan peradaban yang dituntut oleh Islam, akan berada di dalam keadaan yang boleh memberi panduan perancangan dan seni rekabentuk bandar yang akan, insyaAllah, mengujudkan alam sekitar kehidupan yang membolehkan semua penghuninya hidup sepenuhnya Islam kepada Allah.

Agaknya kriteria yang paling penting yang kita dapat daripada As-Sunnah Rasulullah s.a.w., ialah yang diriwayatkan oleh al-Ajlounee dalam kitabnya, *Khasf al-Khafa*;

*Binakan tempat-tempat beribadat (masjid) mu dengan keadaan yang sederhana dan rupabentuk yang sederhana, tetapi binakan bandar-bandar dengan cantik dan teratur.*

Dalam pembentukan kriteria ini, perkara yang kita mungkin telah pelajari daripada perbincangan di atas, ialah kepentingan masjid atau musalla. Telah ditentukan yang masjid adalah merupakan pusat kepada masyarakat setempat, sama ada dari segi keagamaan, sosial, ekonomi, perdagangan, pembelajaran dan aktiviti-aktiviti lain. Masjid dan musalla ini seharusnya dalam jarak berjalan kaki (200 m) daripada keseluruhan khittah. Pembinaan

---

4. Kita tentu ingat tentang kesah Musailimah al-Kazzab yang cuba menulis syair yang dikatakannya selengkap dan indah al-quran. Hasil usahanya ialah syair mengenai "katak" yang tidak tentu hujung pangkal ertinya:

"Hai katak anak dari dua katak. Bersihkan apa apa yang akan engkau bersihkan. Bahagian atas mu diair dan bahagian bawah mu ditanah."

masjid pun perlu difikirkan tentang keselamatan umum, sama ada yang menggunakannya secara langsung atau orang-orang awam yang tidak menggunakannya. Al-Bukhari mencatatkan sebuah hadis yang berbunyi;

*Kalau masjid dibina ditepi jalan, janganlah masjid itu menjadi punca musibah kepada orang yang mengguna jalan itu.*

Setiap khittah seharusnya mempunyai penduduk di antara 1,600-2,400 orang. Akan terdapat 40 isi rumah ke setiap arah masjid tersebut. Kepadatan penduduk sepatutnya kira-kira 450 orang/hektar di kawasan sekeliling masjid menurun sehingga 150 orang/hektar di kawasan yang paling jauh dari masjid.

Ketinggian bangunan seharusnya tidak ditentukan cuma oleh keperluan kepadatan penduduk, tetapi yang lebih penting ialah had yang dianggap menghormati kesendirian (*privacy*) jiran, hak jiran kepada udara, cahaya matahari, sudut dan lorong pandangan dan lain-lain.

Jalan-jalan dan lorong-lorong seharusnya jangan sampai digunakan sebagai ruang duduk dan berbual sia-sia sahaja. Begitu juga jangan jalan mengurangkan kesendirian (*privacy*) penduduk disekitarnya. Oleh itu tempat lipudiri/riadah seharusnya jangan diletakkan di mana orang yang lalu lalang boleh melihat aktiviti yang berlaku di dalamnya. As-Sunnah juga memerlukan lorong-lorong berjalan kaki disediakan teduhan, terutama sekali dari segi penanaman pokok yang rendah dan meneduhkan.

Mengenai kepentingan unit-unit kediaman dalam Islam, Saidina Othman ibn 'Affan (r.a.) telah meriwayatkan Rasulullah s.a.w. sebagai berkata;

*Tidak ada lebih membanggakan anak-anak Adam selain daripada perkara-perkara berikut; kediamannya, pakaian yang menyelimuti tubuhnya, dan makanan dan air hariannya yang menyara hidupnya.*

## Penutup

Dalam Surah al-Hajarat, ayat 6, Allah berfirman;

*Hai orang-orang yang beriman, apabila datang kepada kamu orang fasiq membawa sesuatu berita, maka periksa dengan teliti agar kamu tidak menimpakan musibah kepada suatu kaum tanpa mengetahui keadaannya yang menyebabkan kamu menyesal atas perbuatan mu itu.*

Kita sebagai ahli dan bakal ahli teknologi yang terlibat secara langsung di dalam pembentukan alam persekitaran kehidupan manusia seharusnya mengambil pedoman daripada pesanan ini. Walaupun tidak dapat dinafikan yang kita masih perlu ilmu dari sumber-sumber yang bukan Islam, tetapi pedoman kita diwaktu itu ialah "berjaga-jaga" dan "berhati-hati". Jangan ditelan bulat-bulat apa yang diterima daripada sumber-sumber ini. Yang pentingnya, jangan sekali kita tinggalkan rujukan asas kita kerana sophistikasi rujukan yang baru. Pada Surah al-Anfal, ayat 27 Allah berpesan;

*Hai orang-orang yang beriman, janganlah kamu mengkhianati amanat-amanat yang dipercayai kepada mu, sedang kamu mengetahuinya.*

Kerana mengejar keredhaan Allah semata-mata adalah objektif kehidupan setiap Muslim, maka kita harus mengorak langkah yang tetap ke arahnya. Banyak yang kita boleh pelajari dari sejarah kerana sejarahlah yang menghubungkan kita kepada sumber, terutama sekali dalam persoalan falsafah di sebalik as-Sunnah dan al-Quran. Pembangunan alam bina Islam tidak seharusnya merupakan satu *bekuan* daripada lembaran sejarah, sebaliknya haruslah merupakan satu proses dinamik, sebagaimana perkembangan kriteria-kriteria fizikal dari al-Madinah al-Munawwarah ke al-Kufah ke al-Basrah dan lain-lain. Walau bagaimanapun prinsip-prinsip tetap akan kekal dan prinsip-prinsip inilah yang penting.

## Rujukan

1. Al-Quran (Terjemahan A. Yusuf Ali), Amana Publishing Corp. Brentwood, 1983.
2. Shahih al-Bukhari (Terjemahan Dr. Muhammad Muhsin Khan), Dar al Arabia, Beirut.
3. Sahih Muslim (Terjemahan Abdul Hamid Siddiqi), Dar al Arabia, Beirut.
4. George Michell (edit.), *Architecture of the Islamic World*, Thames and Hudson, 1978.
5. Daghistani, A.M., *Ar-Riyadh: Urban Development and Planning*, Ministry of Information, Saudi Arabia.

6. Abdulkhaliq, A.A., *Traditional Value in Rapidly Growing Community*, (M.A. Landscape Architecture Thesis), Harvard (unplished), 1985.
7. Titus Burckhardt, *Art of Islam: Language and Meaning*, World of Islam Festival Publishing Co. Ltd., 1976.
8. Safak, Ali, *Proposal Concerning Water Supply, Urbanism and Housing from Islamic Viewpoint*, (A paper prepared for the SANCT Study on Bulding Codes and Landuse Regulation for Principal Cities of Saudi Arabia), 1986.
9. Hakim, B.S., *Arab-Islamic Urban Structure*, *The Arabian Journal for Science and Engineering*, Vol. 7, No.2.
10. Hakim, B.S., *Values and Built Environment: The Case of Islamic Culture*.
11. al-Hathloul, S., *Tradition, Continuity and Change in the Physical Environment: The Arab-Muslim City*" (Phd. Thesis), M.I.T. (Unpublished), 1981.
12. Abu-Lughod, J.L., *Preserving and Building to Create a Liveable Islamic City*, (A Position paper for SANCT Study: Building Codes and Landuse Regulation for Major Cities in Saudi Arabia), 1986.
13. Ibrahim, A.M., *Conservation in Saudi Arabian Traditional Cities* (for SANCT Study: Building Codes and Landuse Regulation for Major Cities in Saudi Arabia), 1986.
14. Al-Quran dan terjemahannya (terjemahan Yayasan Penyelenggara/Pentafsir al-Quran, R.I), 1974.

*Nota Khas:* Kebanyakan rujukan kepada al-Quran dan al-Hadis dibuat berpandukan terjemahan ke Bahasa Inggeris seperti dinyatakan dalam senarai rujukan di atas, pengarang meminta maaf kalau terdapat kekurangan apabila diterjemahkan ke Bahasa Malaysia untuk tujuan artikel ini.